

# Wanita perlu rancang kerjaya

84 23/07/08 Pj. T20

Adanya pendedahan kepada golongan ini akan memberikan lebih pengetahuan dan keyakinan buat mereka untuk menempuh alam pekerjaan nanti.

■ NURUL HUDA HUSAIN

**KUALA TERENGGANU** - Pelajar wanita perlu diberi pendedahan awal akan pentingnya untuk membuat perancangan serta menambah kemahiran dalam sebarang kerjaya yang ingin diceburi supaya mampu memperoleh pekerjaan yang diimpikan.

Kaunselor Unit Bimbingan dan Kaunseling Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mohd Zulkifli Abd Aziz, berkata dengan adanya pendedahan kepada golongan ini akan memberikan lebih pengetahuan dan keyakinan buat mereka untuk menempuh alam pekerjaan nanti.

“Dalam dunia yang semakin mencabar ini menuntut go-



Peserta Seminar Kecemerlangan Kerjaya bergambar kenangan di Auditorium FPE, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

longan wanita agar lebih cekal dan tabah untuk berdepan dengan sebarang cabaran dalam kerjaya yang ingin diceburi serta dilengkapi dengan ilmu yang mencukupi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Sinar Harian selepas Program Seminar Kecemerlangan Kerjaya Wanita yang berlangsung di Auditorium FPE, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UMT.

Sementara itu, dalam program yang melibatkan seramai 164 orang pelajar tahun akhir daripada pelbagai fakulti tersebut merupakan salah satu usaha pihak UMT memberikan pendedahan awal kepada golongan pelajar mengenai bidang kerjaya.

“Bagi memulakan langkah awal dalam kerjaya, perkara sebegini seharusnya diberikan perhatian khusus agar apabi-

la keluar nanti mereka mampu memberikan perkhidmatan yang sebaiknya kepada bakal majikan masing-masing.

“Perkara itulah yang menjadi harapan mana-mana institusi pengajian tinggi sebab lahirnya pelajar yang cemerlang serta mencapai pekerjaan yang diimpikan merupakan satu kebanggaan kerana telah melahirkanlah golongan pelajar yang mampu memberikan

sumbangan bagi pembangunan negara,” katanya.

Menurutnya lagi, penganjuran program pada kali ini merupakan penyertaan terbesar oleh golongan pelajar serta berharap supaya kerjasama antara pihak UMT dengan Yayasan Kerjaya Malaysia, yang ditaja oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan berterusan bagi penganjuran program akan datang.